

**Muhyiddin Mahu Rakyat Fahami Program Pembangunan Kerajaan
Bernama
6 Mac, 2012**

KLUANG, 6 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa rakyat supaya benar-benar memahami program pembangunan yang dirancang kerajaan supaya mereka dapat membantu memajukan negara sekaligus bagi menolak janji manis pakatan pembangkang.

Muhyiddin berkata walaupun pembangunan negara berjalan lancar, namun, ia belum lagi memadai untuk memberikan hasil yang melimpah ruah kepada rakyat.

"Walaupun pertumbuhan negara meningkat tetapi kita tidak boleh berpuas hati. Sebab itu Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) mengambil inisiatif memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan sebagainya kerana hendak mengatur hala tuju baru yang hasilnya akan memberikan manfaat kepada rakyat.

"Sebab itu kita hendak rakyat faham, lihat terperinci dan bandingkan dengan janji pembangkang. Kita mahu rakyat tahu sokong Barisan Nasional bukan silap tetapi tepat," katanya berucap pada program Jalinan Mesra Rakyat, dekat Machap, Selasa.

Turut hadir pada program berkenaan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengerusi BN Simpang Renggam yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Machap, Datuk Abdul Hamid Abdul Rahman.

Timbalan Perdana Menteri berkata dalam tempoh singkat untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13, rakyat perlu mempunyai pandangan khusus supaya tidak mudah terpengaruh dengan pembangkang dan sentiasa bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan.

Merujuk kepada Johor, Muhyiddin berkata negeri ini semakin pesat membangun berkat perpaduan yang kukuh antara rakyat dan pemimpin sehingga mampu menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat.

Beliau berkata Johor muncul sebagai antara negeri maju di negara ini dengan pelbagai pertumbuhan ekonomi termasuk projek Iskandar Malaysia seterusnya melalui pembangunan terbaru membabitkan hab minyak dan gas yang membawa pelaburan mencecah RM100 bilion, di Pengerang dekat Kota Tinggi.

"Pembangkang lihat Johor maju, sebab itu mereka intip hendak cari jalan untuk tembus menguasai Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di sini," tegasnya.

Pada program berkenaan, Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM25.82 juta bagi pembangunan prasarana termasuk pembinaan dewan, masjid dan projek kecil membaiki longkang di kawasan Parlimen Simpang Renggam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650340>